




JABATAN PERANGKAAAN  
MALAYSIA

DOSM/BK/W.P. LABUAN/14.2020/Siri27

*"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."*  
**Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,**  
**Ketua Perangkawan Malaysia**

W.P. Labuan menyumbang **0.5 peratus** kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM7.2 bilion** (2017: RM6.8 bilion). **Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi W.P. Labuan. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM5.5 bilion (75.7 peratus)** dan **RM1.4 bilion (18.9 peratus)** kepada nilai KDNK W.P. Labuan.



Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor W.P. Labuan, 2018

*"Seramai 1,300 penjaja dan peniaga kecil diberi bantuan sara hidup sebanyak RM500 secara one-off. Kos keseluruhan bagi bantuan sara hidup ini berjumlah RM650,000"*  
**- YB Menteri Wilayah Persekutuan, 30 Mac 2020**


Jumlah dan Jenis Pelaburan Yang Diluluskan W.P Labuan 2016-2018

Wilayah Pesekutuan Labuan	Pelaburan domestik (RM'000)	Pelaburan asing (RM'000)	Jumlah pelaburan (RM'000)
2016	11,485	22,295	33,781
2017	-	-	-
2018	81,004	-	81,004
<b>2016-2018</b>	<b>92,489</b>	<b>22,295</b>	<b>114,784</b>

MIDA melaporkan W.P Labuan menerima jumlah **pelaburan** yang telah diluluskan **RM114.8 juta** dalam tempoh 2016-2018. Daripada jumlah tersebut, **RM92.5 juta (80.6 peratus)** diterima daripada pelaburan domestik dan **RM22.3 juta (19.4 peratus)** diterima daripada pelaburan asing.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri W.P. Labuan 2018

Penduduk : 100.4 Ribu  
Kepadatan Penduduk : 1,857/km<sup>2</sup>



Kadar Kesuburan : 1.8  
Kadar Kelahiran Kasar : 17.3  
Kadar Kematian Kasar : 2.5

Bil. Hospital : 1 buah  
Bil. Klinik Kerajaan : 13 buah


Bil. Doktor  
2016 - 81 orang  
2017 - 93 orang



Bil. Jururawat  
2016 - 352 orang  
2017 - 358 orang

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk W.P. Labuan bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM0.8 bilion** (Mac 2019: RM1.0 bilion). Nilai ini menyumbang 0.5 **peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.

Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, W.P. Labuan



Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, W.P. Labuan, 2019

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
W.P. LABUAN	7,974	3,197	11,171

Pada tahun 2019, W.P. Labuan mencatatkan jumlah eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM8.0 bilion** dan jumlah import bernilai **RM3.2 bilion**. Keseluruhan jumlah perdagangan bagi W.P. Labuan pada 2019 bernilai **11.2 bilion**.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)

1





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

"Seramai 546 keluarga yang menyewa perumahan awam milik Perbadanan Labuan (PL) diberikan pengecualian bayaran sewa bulanan mulai Mac hingga Ogos 2020" – BH Online, 30 Mac 2020

Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Wilayah Persekutuan Labuan, 2017 dan 2018

	2017	2018
<b>Jumlah ('000) Total</b>	<b>381.0</b>	<b>544.9</b>
<b>Pelawat harian Excursionist</b>	<b>144.7</b>	<b>218.2</b>
<b>Pelancong Tourist</b>	<b>236.3</b>	<b>326.7</b>

Sumber: MyLocal Stats Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Wilayah Persekutuan Labuan menerima 0.5 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 0.2 juta (40.0 peratus) merupakan pelawat harian dan 0.3 juta (60.0 peratus) adalah pelancong.

Bilangan Pelawat yang Menginap di Hotel, Wilayah Persekutuan Labuan, 2016 - 2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	539.7	523.0	443.7
Antarabangsa	111.8	105.7	89.6
<b>Jumlah ('000)</b>	<b>651.5</b>	<b>628.7</b>	<b>533.4</b>

Sumber: MyLocal Stats Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2018

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia melaporkan bahawa bilangan pelawat yang menginap di hotel Wilayah Persekutuan Labuan telah menurun daripada 0.63 juta pada 2017 kepada 0.53 juta pada tahun 2018.


# BULETIN KHAS NEGERI



## Statistik Utama Tenaga Buruh, W.P. Labuan, 2018-2019

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	44.6	41.5	3.2	65.1	7.1
2019	43.3	40.3	3.0	62.2	6.9


Pada tahun 2019, penduduk bekerja di W.P. Labuan adalah **40.3 ribu orang** dengan kadar penyertaan tenaga buruh adalah **62.2 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). Kadar pengangguran pada tahun 2019 menurun kepada **6.9 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 7.1 peratus dicatatkan tahun 2018.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019

## Penduduk Bekerja Mengikut Industri, W.P. Labuan, 2019

Pada tahun 2019, Industri perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di W.P. Labuan iaitu **5.2 ribu pekerja (12.9 peratus)** diikuti dengan industri penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman, **4.9 ribu pekerja (12.2 peratus)**. Industri pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib dan aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial masing-masing mencatatkan **4.5 ribu pekerja (11.2 peratus)** dan **4.3 ribu pekerja (10.7 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **53.1 peratus** pekerja di W.P. Labuan.



Sumber: Population Quick Info

## Unjuran Penduduk Wilayah Persekutuan Labuan, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 70.7 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 24.6 peratus dan kumpulan umur tua 4.7 peratus.







JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan W.P Labuan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		LABUAN	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
<i>Median</i>	4,585	5,228	5,684	5,928
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	6.6	"	2.1
<i>Compounded annual growth rate</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
<i>Mean</i>	6,141	6,958	7,591	8,174
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	6.2	"	3.7
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, Sabah & W.P Labuan, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Apr	Mac	Apr
<b>Jumlah</b>	<b>115.0</b>	<b>114.0</b>	<b>110.7</b>
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	123.0	123.4	122.8
Minuman Alkohol dan Tembakau	170.7	170.8	170.8
Pakaian dan Kasut	92.8	91.6	91.6
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	110.7	111.2	107.4
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	112.9	112.4	112.1
Kesihatan	126.8	128.3	128.3
Pengangkutan	110.1	99.7	85.5
Komunikasi	98.7	99.2	99.2
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	116.4	116.3	116.3
Pendidikan	113.2	113.6	113.6
Restoran dan Hotel	133.5	134.4	134.4
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	111.3	113.2	112.4

Sumber: IHP, April 2020

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan W.P Labuan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		LABUAN	
	2014	2016	2014	2016
<b>Pekali Gini</b>				
<i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.385	0.398
<b>Insiden Kemiskinan</b>				
<i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	1.1	0.0

Sumber: HIS, 2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan W.P Labuan, 2016

	MALAYSIA		LABUAN	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
<i>Median</i>				
<b>Terendah 40% -B40</b>		3,000		3,654
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,275		7,217
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		13,148		15,238
<b>Purata (RM)</b>				
<i>Mean</i>				
<b>Terendah 40% -B40</b>		2,848		3,529
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,502		7,329
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		16,088		19,189

Sumber: HIS, 2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan W.P Labuan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		LABUAN	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
<i>Median</i>	2,946	3,314	3,121	3,513
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	5.9	"	5.9
<i>Compounded annual growth rate</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
<i>Mean</i>	3,578	4,033	3,497	4,069
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b>	"	6.0	"	7.6
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (IHP) negeri Sabah & W.P Labuan menurun 3.7 peratus pada April 2020 kepada 110.7 berbanding 115.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP negeri Sabah bagi April 2020 menurun 2.9 peratus kepada 110.7 berbanding Mac 2020.

*"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020*






JABATAN PERANGKAAAN  
MALAYSIA

## Statistik COVID-19 W.P Labuan


### Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, W.P Labuan




### Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, W.P Labuan




### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri



### Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



### Peratusan Kes W.P Labuan Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 26 Julai 2020  
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## Impak Covid-19 di W.P. Labuan

### Perkhidmatan Perhotelan

Pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada aktiviti pelancongan. Pada tahun ini, disasarkan lebih 100 acara yang akan berlangsung termasuk yang berprestij di peringkat antara bangsa terpaksa ditunda atau dibatalkan penganjurannya (*Labuan International Kites Festival* yang dijadualkan berlangsung pada 13 – 15 Mac 2020) dan semua tempat tumpuan pelancong ditutup. Pengusaha hotel menghadapi impak PKP dengan pembatalan tempahan bilik dan tidak menerima sebarang tempahan dari luar. **Penurunan hasil 58% sepanjang bulan Mac** berbanding nilai hasil pada bulan sebelumnya.



### Perkhidmatan Pengangkutan Udara

Industri penerbangan merupakan antara sektor yang terjejas teruk sejak pelaksanaan PKP ekoran penularan COVID-19. **Bilangan penerbangan masuk dan keluar dari Lapangan Terbang Wilayah Persekutuan Labuan berkurangan lebih 80%. Malaysia Airlines (MAS) telah membatalkan atau mengurangkan penerbangan sehingga 85%.** Manakala **semua penerbangan AirAsia dan penerbangan Malindo Air dibatalkan.** Kesemua penerbangan tersebut melibatkan penerbangan domestik antara Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bagi penerbangan MASwings yang beroperasi untuk pengangkutan udara antara Sabah dan Sarawak juga turut membuat pembatalan dan **mengurangkan hampir 80% penerbangan.**

Syarikat penerbangan juga bukan sekadar mengalami kerugian dan kehilangan pendapatan

akibat pembatalan penerbangan malah para pekerja di syarikat itu turut terjejas.



### Perkhidmatan Pengangkutan Awam Laut

Perkhidmatan pengangkutan awam laut iaitu feri dan bot laju ke tanah besar Sabah dan Sarawak telah menunjukkan **penurunan 985 orang penumpang sejak bermulanya PKP pada 18 Mac 2020.** Pengusaha feri telah memberhentikan perkhidmatan pengangkutan penumpang bermula pada 23 Mac 2020. Ia selari dengan PKP yang dikeluarkan oleh kerajaan.



### Perkhidmatan Pengangkutan Bas

Semasa PKP Fasa 1, semua perkhidmatan bas mini (kecuali yang membawa pekerja industri minyak dan gas) tidak beroperasi berkuatkuasa 22 Mac 2020. Notis pemberhentian operasi bas mini ini telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah. Kebanyakan pemandu adalah pemilik bas mini itu sendiri dan pendapatan seharian mereka bergantung kepada bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas mini setiap hari. Pemberhentian operasi bas mini ini telah **menjejaskan pendapatan seharian antara 80% hingga 90% sejak PKP Fasa 1.**

Walau bagaimanapun, terdapat perubahan waktu operasi pengangkutan awam semasa PKP Fasa 2. Waktu operasi bas adalah mulai jam 6.00 pagi – 10.00 pagi dan 5.00 petang – 10.00 malam. Perubahan masa ini masih belum dapat meningkatkan pendapatan pemandu bas disebabkan kurangnya permintaan menggunakan perkhidmatan bas semasa PKP.







JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## Impak Covid-19 di W.P. Labuan

### Perkhidmatan Pengangkutan Teksi



Semasa PKP Fasa 2, perkhidmatan teksi di Wilayah Persekutuan Labuan masih berjalan seperti biasa dan waktu beroperasi adalah mulai jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam. Tatacara kawalan pergerakan juga hanya membenarkan 1 atau 2 penumpang mengikut kapasiti jenis kenderaan. Impak paling ketara adalah pemandu teksi di Lapangan Terbang, Ujana Kewangan, Terminal Feri Antarabangsa dan beberapa tempat menunggu (*hot spot*) di persekitaran pusat membeli belah. Penjadualan semula atau pembatalan penerbangan/perkhidmatan feri serta penutupan premis-premis yang beroperasi di Ujana Kewangan menyebabkan penurunan permintaan teksi. Penurunan permintaan teksi ini telah menyebabkan **pemandu teksi hilang punca pendapatan sehingga 60% - 75%**. Pengguna juga dilihat lebih gemar menggunakan perkhidmatan *e-hailing*.

### Perkhidmatan Jualan Runcit Bahan Api (Stesen Minyak)

Bermula 27 Mac 2020, waktu operasi kesemua 6 stesen minyak adalah bermula dari jam 6.00 pagi sehingga 3.00 petang. Kesan perubahan waktu operasi menyebabkan **nilai jualan bagi pengusaha stesen minyak menurun 40% hingga 70%**. Ini disebabkan pengurangan perjalanan kenderaan oleh pengguna.

Jualan kedai serbaneka di stesen minyak melalui perkhidmatan kaunter sahaja dan pelanggan diingatkan untuk menjaga jarak ketika beratur (*social distancing*) ketika membuat pembayaran.

Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan dan pekerja masih bekerja mengikut jadual kerja yang ditetapkan.



### Perkhidmatan Jualan Runcit Pasaraya Besar

Sektor peruncitan bagi pasaraya besar (Hypermarket) menunjukkan peningkatan dalam jumlah hasil jualan. Maklum balas yang di terima **mencatatkan peningkatan 95.7% dalam hasil jualan disebabkan oleh *panic buying*** orang awam berikutan khabar angin menyatakan bahawa akan berlaku pengurangan dalam stok makanan. **Tiada pemberhentian pekerja** dilaporkan oleh syarikat di mana semua pekerja bekerja seperti biasa dalam tempoh jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam seperti yang dibenarkan oleh Perbadanan Labuan.



### Perkhidmatan Jualan Runcit (Peniaga Kecil dan Penjaja)

1,300 orang peniaga di premis milik Perbadanan Labuan di Bangunan UTC, pasar sentral, pasar malam, pasar tani, medan selera Labuan dan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan diberi pengecualian enam bulan bayaran sewa premis niaga. Peniaga kecil dan penjaja ini juga turut diberikan bantuan *one-off* RM500 yang diperuntukkan oleh Perbadanan Labuan. Dalam tempoh PKP **dianggarkan peniaga kecil dan penjaja kehilangan 60%-80% pendapatan daripada aktiviti perniagaan**.

### Pembinaan

Pelaksanaan PKP turut memberi kesan kepada Sektor Pembinaan. Banyak tapak projek pembinaan ditutup kerana isu keselamatan dan kesihatan terhadap persekitaran kerja.

**Kerugian yang dialami oleh kontraktor dianggarkan antara 50% - 70%** disebabkan oleh penutupan projek pembinaan dalam tempoh PKP.





JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A



Bernama.Com, 14 Februari 2020 (Jumaat)

### Covid-19: Industri Perkhidmatan Kewangan Labuan Adakan Mesyuarat Guna Aplikasi Facetime, Skype

Jailani Hasan

LABUAN, 14 Feb -- Pemain utama dalam industri perkhidmatan kewangan di Labuan pada mulanya berada dalam dilema ekoran penularan Covid-19 yang menyebabkan banyak mesyuarat terpaksa ditangguhkan sejak Januari tahun ini.

[https://bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1813992](https://bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1813992)

Harian Metro, 24 Mac 2020 (Selasa)

### Penjadualan Semula Feri Menumbok-Labuan di Sabah

Yun Mikail, am@hmetro.com.my



OPERASI perkhidmatan feri penumpang antara Menumbok ke Labuan dijadualkan semula sebagai langkah menangani penularan wabak coronavirus baharu (Covid-19).

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558071/penjadualan-semula-feri-menumbok-labuan-di-sabah>

Sinar Harian, 30 Mac 2020 (Isnin)

### Penambahan Inisiatif Baharu Buat Warga Labuan

Nur Farhana Abdul Manan



KUALA LUMPUR - Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Labuan menawarkan penambahan beberapa inisiatif baharu di bawah Inisiatif Wilayah Cakna khusus untuk warga Labuan.

<https://www.sinarharian.com.my/article/76405/BERITA/Nasional/Penambahan-inisiatif-baharu-buat-warga-Labuan>

Malay Mail, 20 April 2020 (Isnin)

### Free Covid-19 screening for Labuan food delivery riders, drivers begins tomorrow

BERNAMA

LABUAN, April 20 — The Covid-19 screening exercise for food delivery riders and drivers here will be held at the Membidai Health Clinic beginning tomorrow.

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/20/free-covid-19-screening-for-labuan-food-delivery-riders-drivers-begins-tomo/1858511>

**Penafian:** Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

Berita Harian, 24 Mac 2020 (Selasa)

### COVID-19: PKP Diperluas di Perairan Labuan

BERNAMA

LABUAN: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperluas di perairan Labuan bermula hari ini dengan memastikan hanya sektor perkhidmatan penting dibenarkan beroperasi.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668882/covid-19-pkp-diperluas-di-perairan-labuan>

Malay Mail, 26 Mac 2020 (Khamis)

### Labuan Chinese Chamber Calls For A Study On MCO Impacts On Employers

BERNAMA

LABUAN, March 26 — The Labuan Chinese Chambers of Commerce has appealed to the government make a thorough study on the impacts of the movement control order (MCO) on employers, as it could put them in a quandary due to substantial economic injury and financial constraints.

<https://www.malaymail.com/news/money/2020/03/26/labuan-chinese-chamber-calls-for-a-study-on-mco-impacts-on-employers/1850493>

Utusan Borneo, 17 April 2020 (Jumaat)

### PKS Labuan Sambut Baik Pakej Prihatin Tambahan

LABUAN: Ketika kerajaan dan seluruh rakyat berhempas-pulas memerangi penularan wabak COVID-19, para usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) turut berperang untuk mempertahankan perusahaan masing-masing yang begitu terkesan dengan penularan wabak COVID-19.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/17/pks-labuan-sambut-baik-pakej-prihatin-tambahan>

Utusan Borneo, 19 Mei 2020 (Selasa)

### Proses Penghantaran Balik 3,370 Pelajar IPTA

Labuan Berakhir 19 Mei Henry Bating

LABUAN: Penghantaran balik pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari Labuan yang diselaras pelbagai agensi di bawah Jawatan kuasa Pengurusan Bencana COVID-19 WP Labuan berakhir dengan lancar 19 Mei.



<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/19/proses-penghantaran-balik-3370-pelajar-ipta-labuan-berakhir-19-mei>



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind

